



JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN DAN KESIHATAN
MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM

SYARAT- SYARAT LESEN PASAR LAMBAK/ PASAR MALAM

NO DOKUMEN: MDTM/PKL-SLMM-02

NO PINDAAN : 0

TARIKH KUATKUASA : 1 NOVEMBER 2013

1. Semua peniaga hanya dibenarkan memasang kaki payung. Tidak dibenarkan memaku/menanam apa-apa tiang, tali atau bahan tajam untuk mendirikan khemah atau kanvas
2. Mematuhi semua syarat-syarat kesihatan dan mendapatkan suntikan TY2.
3. Memakai apron/ topi/penutup kepala, menutup makanan yang dijual dengan plastik, menyediakan penyepit, sentiasa mencuci dan membersihkan stall dan kawasan sekitar sebelum dan selepas perniagaan.
4. Semua peniaga yang melibatkan pembuangan sisa pepejal diwajibkan menyediakan tong sampah berpenutup
5. Peniaga Pasar Lambak yang menjual ikan dan yang seumpamanya hendaklah menyediakan baldi untuk menakung air kotoran ikan.
6. Membersihkan tempat perniagaan setiap kali selesai berniaga. Sisa buangan dikumpul didalam karung plastik sebelum plastik itu dipungut oleh pihak Majlis.
7. Bayaran lesen hendaklah dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan dan sentiasa dipamerkan.
8. Waktu perniagaan bagi pasar lambak/pasar malam adalah seperti di lampiran A.
9. Hanya menjual barang-barang yang telah dilesenkan sahaja.
10. Hendaklah menyediakan kanvas atau apa-apa pelapik yang kalis air dan minyak di atas permukaan jalan di kawasan penyediaan makanan di tapak perniagaan masing- masing.
11. Hendaklah menyediakan kanvas atau apa-apa pelapik yang kalis air dan minyak dengan saiz yang mencukupi bagi menghalang apa-apa cairan minyak atau apa-apa sisa jatuh terus ke atas permukaan jalan.

